

SEJARAH JIM SEPINTAS LALU

Dihantar pada hari Khamis, 07 April 2005 oleh ateh

<http://www.jim.org.my/modules.php?name=News&file=article&sid=181> .

Malaysia dan kebangkitan Islam

Lebih tiga dekad yang lalu, sejarah Malaysia diwarnai dengan kebangkitan semula Islam. Pada waktu ini, masyarakat diseru agar kembali kepada penghayatan Islam sebenar. Sebelum itu, pada awal kurun ke 19, kesedaran Islam di kalangan masyarakat telah dibangkitkan oleh segolongan pemuda lepasan universiti di Mesir melalui majalah Al Imam. Sejarah berulang kembali. Kali ini, golongan pemuda belia lepasan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, di timur mahupun di barat, menyeru agar Islam menjadi tunjang dalam kehidupan. Islam sebagai jalan penyelesaian masalah. Praktik Islam dalam kehidupan seharian direalisasikan kembali.

Gerakan Islam di Malaysia

Selaras dengan kebangkitan Islam, pertubuhan-pertubuhan Islam mula menonjol. Malahan Angkatan Belia Islam (ABIM) muncul sebagai sebuah gerakan Islam yang menjadi tumpuan golongan muda. Parti Se-Islam Malaysia semakin popular. Kehadiran Al Arqam dan Jama'at Tabligh, tambah memeriahkan fenomena kebangkitan Islam di Malaysia pada waktu ini.

JIM dan Persepsi Kemunculannya

Jamaah Islah Malaysia tidak ketinggalan. Ia muncul dalam arus kebangkitan Islam walaupun kehadirannya di persada gerakan Islam tanah air agak lewat iaitu awal kurun ke 20. Oleh kerana kemunculannya yang agak lewat, ditambah pula dengan adanya organisasi seperti ABIM, mungkin menjadi faktor wujudnya perasaan skeptikal oleh segelintir masyarakat sama ada yang berada dalam gerakan Islam mahupun tidak. Pelbagai persoalan ditimbulkan. Antaranya, mengapa JIM perlu wujud sedangkan di Malaysia ada ABIM dan juga PAS? Mengapa pendokong JIM tidak mahu memanfaatkan tenaga mereka di dalam pertubuhan tersebut?

Siapa mereka ini yang mendalangi penubuhan JIM? Persoalan ini begitu popular ditimbulkan. Jawapan yang sering diberikan adalah; mereka adalah anggota Islamic Representative Council (IRC) iaitu sebuah pertubuhan 'underground' yang telah diwujudkan di United Kingdom pertengahan 1970-an. Setelah menamatkan pelajaran, mereka kembali ke tanah air lantas menubuhkan IRC di Malaysia. Mereka berusaha untuk menguasai ABIM. Setelah gagal mereka cuba pula menguasai PAS. Setelah misi afiltrasi mereka gagal dalam ABIM dan PAS, mereka akhirnya menubuhkan JIM. Oleh itu kesimpulannya JIM adalah pertubuhan mereka yang kecewa dalam usaha mendapatkan kuasa dalam menerajui gerakan-gerakan Islam semasa di Malaysia pada waktu itu lantas membuat pertubuhan sendiri.

Kemunculan JIM bukan sekadar petanda kecewa pendokongnya, malahan ada juga yang melihat JIM muncul untuk menjadi pesaing kepada pertubuhan yang ada. Tidak cukup ABIM dan PAS, JIM juga mahu menjadi gerakan Islam

di Malaysia. Oleh kerana JIM tidak lebih daripada 'carbon copy' daripada pertubuhan yang sedia wujud, maka kemunculannya bukan sahaja tidak diperlukan bahkan menyebabkan perpecahan kepada pejuang-pejuang Islam. Itulah secebis pandangan dan tanggapan segelintir pihak terhadap kemunculan JIM.

JIM dan Penubuhannya

Bersama Islam Membina Masyarakat, itulah motto perjuangan JIM. JIM sebuah Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berdaftar secara sah dengan Badan Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 27 Julai 1990. Jawatankuasa Penaja penubuhan JIM diketuai oleh Haji Saari Sungip atau nama gelarnya 'Abu Urwah'.

JIM muncul dengan sejarahnya yang tersendiri. Kemunculannya yang mendapat reaksi daripada pelbagai pihak tidak lepas daripada toman dan kritikan. Ia tidak hanya ketika diawal kemunculannya. Ibarat perang saudara yang tidak berkesudahan, JIM hingga kini masih menjadi sasaran kritikan pihak-pihak tertentu yang seolah-olah tidak senang dengan peranan yang dimainkannya. Setelah lebih sedekad merealisasikan misi membina umat, dengan pelbagai perubahan dan peranan positif yang dimainkan, nama JIM masih dicemburui kawan dan lawan.

Sesungguhnya benar JIM yang didaftarkan secara rasmi dalam tahun 1970-an kebanyakannya terdiri daripada bekas aktiviti IRC. Namun begitu, ramai juga di kalangan pendokong awalnya terdiri daripada para pelajar lepasan universiti di Timur Tengah, Australia dan Amerika Syarikat. Mereka yang belajar selain daripada di United Kingdom, bukanlah anggota IRC. Namun kesatuan kefahaman dan pemikiran telah menemukan mereka setelah kembali menamatkan pengajian.

IRC juga tidak pernah wujud di mana-mana pun di negara-negara yang menempatkan pelajar Malaysia selain daripada United Kingdom. Sejarah IRC secara rasmi bermula pada April 1975 di Universiti of Sussex, Falmer, Brighton apabila beberapa orang pelajar Malaysia bersetuju untuk menubuhkan persatuan Islam bagi pelajar-pelajar Malaysia yang berada di United Kingdom. Sungguh pelik dan hairan sebagaimana yang dirasai oleh seorang penulis dalam Akhbar Api Mahasiswa penghujung tahun lepas. Bukan sekadar kepelikan yang beliau rasai apabila menimbulkan persoalan bagaimana pelajar jurusan sains dan kedokteran boleh menguasai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan berminat dengan kepimpinan kampus dalam kesibukan yang mendesak. Seharusnya kepelikan beliau ini akan lebih dahsyat lagi bila mana pelajar-pelajar jurusan sains dan kejuruteraan di luar negara bahkan di negara barat boleh muncul sebagai pejuang Islam semenjak pertengahan 1970-an!

Allah memberikan petunjuk bagi hati yang mencarinya. Itulah yang berlaku kepada peserta kebangkitan Islam terutama yang berada di luar negara. Inilah juga yang telah berlaku di kalangan pelajar Islam Malaysia yang bergiat di dalam IRC ketika di United Kingdom. Tiada siapa menyangka pelajar Islam yang datang daripada negara yang mempunyai agama rasminya Islam boleh

mengenali Islam sebenarnya di negara barat yang diperintah oleh orang kafir. Tiada ibu atau bapa yang menyangka anaknya yang ke luar negara, apatah lagi negara barat, dengan memakai mini skirt atau penampilan ala Elvis Presly, boleh kembali ke tanah air dengan bertudung litup atau berkopiah dan berjubah.

Kemunculan dan peranan yang dimainkan IRC di luar negara bukanlah hanya khayalan penggerak-penggerakannya sahaja. Malahan pengkaji-pengkaji seperti Zainah Anwar dan Muhammad Abu Bakar, turut mengakui peranan besar yang dimainkan oleh pertubuhan ini di United Kingdom sekitar 1970an-1980an. Malahan keluasan pengaruh yang dipamerkan oleh pertubuhan ini telah berupaya membawa satu gelombang besar dalam penghayatan semula Islam di kalangan pelajar muslim Malaysia ketika berada di sana. Tidak sekadar itu, perubahan yang berlaku ketika di luar negara, di bawa bersama ketika kembali ke tanah air dan mahu diterjemahkan bersama masyarakat Islam yang ada di Malaysia pada ketika itu.

JIM dan IRC

Sekembali bekas aktivis IRC ini ke tanah air, kesedaran Islam yang diperolehi ketika belajar di luar negara tidak dilupakan dan ditinggalkan begitu sahaja. Kesedaran yang memberikan kesan mendalam itu menjadikan mereka peka kepada penghayatan Islam di kalangan masyarakat Islam di tanah air. Menjadi tanggungjawab mereka untuk menyeru dan menyedarkan masyarakat Islam di tanah air betapa perlunya kembali menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam yang sebenar dalam kehidupan seharian.

Apabila bekas IRC ini kembali ke tanah air, telah wujud dua buah gerakan Islam yang dominan iaitu PAS yang bergerak sebagai sebuah parti politik. Manakala ABIM pula merupakan gerakan Islam yang bersifat Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan yang ditubuhkan sejak 1971. Merasakan bahawa mereka perlu memainkan peranan, maka bekas aktivis IRC ini telah memutuskan bahawa mereka perlu melibatkan diri dengan kedua-dua buah pertubuhan ini bagi keterlangsungan perjuangan mereka dalam mendaulatkan syariah Allah di tanah air tercinta. Bukan sekadar bekas aktivis IRC, malahan para pelajar lepasan universiti di Timur Tengah, Australia dan Amerika Syarikat yang mempunyai hubungan yang rapat dengan IRC di UK, turut mengambil pendekatan yang sama iaitu bersama memanfaatkan diri untuk memperjuangkan Islam melalui ABIM dan PAS.

Syaitan itu telah memberi jaminan kepada Allah bahawa ia tidak akan berdiam diri terhadap anak Adam. Apatah lagi anak-anak Adam yang memperjuangkan risalah suci dan murni iaitu Islam. Maka api sengketa dinyalakan bagi membakar ikatan silaturrahim dan kesepakatan yang wujud antara mukmin yang memperjuangkan Islam dalam ABIM mahupun PAS. Kehadiran bekas aktivis IRC dan rakan-rakannya dalam ABIM dan juga PAS lama-kelamaan telah menimbulkan rasa curiga di kalangan segelintir ahli ABIM dan juga PAS. Apatah lagi penonjolan yang ketara bekas aktivis IRC dan rakan-rakannya ini dalam kepimpinan sehingga mendapat kepercayaan untuk memegang tampuk pimpinan peringkat tinggi atau pusat dalam khususnya dalam PAS. Bekas aktivis IRC ini dipercayai sengaja memasuki

PAS dan ABIM serta ingin menguasai pertubuhan tersebut untuk bergerak dengan cara mereka sendiri.

Tanpa mahu berpanjangan dalam perselisihan dan menimbulkan lebih banyak kemudharatan, akhirnya bekas aktivis IRC dan rakan-rakannya bersetuju untuk menubuhkan JIM. Memandangkan pengalaman yang ada ketika belajar di luar negara dan merasakan kehadiran mereka relevan dengan medan dakwah yang masih banyak lagi terabai di kalangan masyarakat dan pentadbiran negara, maka JIM muncul di persada tanah air bersedia mengharungi perjuangan dan menghadapi cabaran dalam memperjuangkan Islam. Bukan kerana PAS gagal, bukan kerana ABIM tidak berjaya, namun kerana tanggungjawab Islah itu perlu dipikul dengan semampu mungkin maka JIM ingin sama berperanan seperti ABIM dan juga PAS. Masih ramai lagi masyarakat yang terabai. Masih ramai lagi orang Islam yang dahagakan ilmu Islam dan masih ramai lagi yang perlu dikejutkan dan dibangunkan untuk segera menghayati Islam sebenarnya. Inilah tugas JIM yang diyakini oleh pendokongnya mengapa JIM relevan untuk muncul di samping ABIM dan PAS.

Pelbagai jawapan diberikan bagi menjawab pelbagai persoalan dan juga tohmahan yang dilemparkan terhadap JIM di atas kemunculannya. Walaupun lebih sedekad berlalu, namun kisah 'pahit' ini sesekali muncul dan diungkit oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan nakal. Mungkin tidak selesai dengan keharmonian yang telah bertapak dan wujud di kalangan pemimpin PAS, ABIM dan JIM. Usaha-usaha nakal ini sudah pastinya tidak berjaya kerana Allah memberi jaminan tipu daya syaitan itu tidak akan berjaya kepada golongan-golongan yang soleh dan ikhlas dalam berjuang untuk agama-Nya ini (surah al Hijr).

Bagi semua pendokong Islam, setiap insan pasti melakukan kesilapan. Hatta Nabi juga ada yang pernah melakukan kesilapan. Namun di atas kesilapan-kesilapan yang tidak mungkin kita sengajakan, mudah-mudahan kita mendapat pengampunan di sisi Allah. Bak kata Hasan Al Banna, "kerja lebih banyak dari masa yang kita ada". Seharusnya ia menjadi panduan untuk kita bersegera melakukan amal kebajikan dan dakwah dan melupakan sengketa atau perselisihan antara kita kerana golongan kuffar tidak pernah letih atau berputus asa untuk melalai dan menyesatkan kita dari jalan-Nya. Golongan kuffar sentiasa memantapkan gerak kerjanya sedang kita masih lagi dalam mainan tipu daya syaitan yang sentiasa berusaha merungkaikan ikatan persaudaraan kita dalam memperjuangkan agama yang agung ini.

Allah melihat amal

"Katakanlah : Beramallah kamu, sesungguhnya Allah, Rasul-Nya dan orang-orang mukmin akan melihat amal kamu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara ghaib dan nyata. Maka (Allah) akan memberitahu kamu apa yang telah kamu kerjakan" (At Taubah : 105)